

28 AUG 2001

NOKIA-PERISIAN

NOKIA MAHU KEMBANG AKTIVITI PEMBANGUNAN PERISIAN DI M'SIA

PUTRAJAYA, 28 Ogos (Bernama) -- Firma telekomunikasi utama Finland, Nokia, merancang untuk mengembangkan aktiviti pembangunan perisiannya di Malaysia, kata pengerusi eksekutifnya Jorma Ollila, hari ini.

"Kami akan mengembangkan aktiviti itu. Kami telah berbincang dengan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad)," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat selama 40 minit dengan Perdana Menteri di pejabatnya, di sini.

Ollila berkata Nokia, yang juga anggota lembaga Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC), telah menyelesaikan beberapa projek utama dalam MSC.

Beliau berkata komitmen syarikat itu kepada pembangunan MSC bermula dua tahun lalu dengan kerjasama bersama sebuah universiti tempatan serta memindahkan pejabatnya ke kawasan tersebut dan menyertai banyak projek aplikasi perisian dengan syarikat-syarikat tempatan.

Menurutnya, Nokia berharap dapat memberi sumbangan besar kepada Malaysia di masa depan menerusi projek-projek pembangunan perisian serta penyelidikan dan pembangunan dengan rakan kongsi tempatan.

Anak syarikatnya yang berstatus MSC, Nokia (M) Sdn Bhd juga memindahkan operasinya ke Century Square di Zon Perdana Cyberjaya.

Satu laporan baru-baru ini menyatakan Nokia telah memperuntukkan ruang dalam pejabat baru itu untuk menubuhkan Pusat Internet Mudah Alih yang akan berfungsi sebagai inkubator bagi K-Ekonomi di Malaysia.

Sementara itu, apabila ditanya berhubung perbincangannya dengan Dr Mahathir, Ollila berkata perbincangan itu adalah mengenai ekonomi antarabangsa, pembangunan dalam industri telekomunikasi serta kemajuan di Malaysia. -- BERNAMA

MK SD ZK